

NILAI PATRIOTIK DI DALAM PEMILIKAN DAN PEMBANGUNAN TANAH

Mohd Hasrol Haffiz Aliasak¹, Hamzah Jusoh² dan Mohd Yusof Hussain³

¹Jabatan Pengurusan Hartanah, Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA (Perak), Seri Iskandar, Perak, Malaysia
haffiz677@perak.uitm.edu.my

² dan ³ Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Nilai patriotik merujuk kepada perasaan dan persepsi seseorang ke atas sesuatu yang mempunyai nilai sentimental terhadap dirinya atau kelompok masyarakat. Nilai patriotik merupakan salah satu cabang dalam nilai moral sosialis yang melihat kepentingan komuniti sebagai keutamaan. Di dalam kertas kerja ini, penulis membincangkan takrif nilai patriotik daripada perspektif pemilikan dan pembangunan tanah. Nilai moral ini tidak lagi lebih menunjukkan sentimen nasionalisme dan patriotism dalam mempertahankan kedaulatan negara tetapi telah mempengaruhi individu untuk mempertahankan pemilikan tanah. Oleh itu, penulis memperkenalkan kerangka konseptual nilai patriotik ke atas pemilikan dan pembangunan tanah. Secara ringkasnya, ia merujuk kepada perasaan individu dan masyarakat untuk mempertahankan pemilikan tanah yang menerima aliran pembangunan fizikal dan bukan fizikal. Pembangunan dilihat sebagai cubaan atau usaha-usaha pihak pemaju kapitalis untuk memajukan kawasan tanah. Dalam konteks nilai ini, penulis menghuraikan cirri-ciri patriotik individu dan masyarakat dalam mempertahankan milikan tanah meskipun telah ditawar oleh faedah-faedah materialistik. Namun, faedah tersebut tidak mencairkan semangat individu dan masyarakat patriotik dalam mengekalkan pemilikan tanah yang akan dibangunkan. Oleh itu, kertas kerja ini membincangkan takrifan dan konsep nilai patriotik yang berasaskan kepada tinjauan kajian lampau. Di akhir kertas kerja ini, penulis merumuskan konsep nilai patriotik dalam bentuk kerangka konseptual.

Kata Kunci: Masyarakat Patriotik, Nilai Patriotik, Pembangunan Tanah dan Pemilikan Tanah

PENDAHULUAN

Konsep dan takrifan nilai moral tidak asing lagi dalam mengetengahkan implikasinya ke atas sistem sosioekonomi kemasyarakatan. Menurut Cotkin (2008) dan Friedman (2006), nilai ini telah wujud dalam sistem politik dan ekonomi dalam sebuah negara dan masyarakat. Kini, konsep dan takrifan nilai moral telah berkembang ke dalam pelbagai sistem kemasyarakatan seperti keagamaan dan pendidikan (Halpern, 2001; Friedman, 2006; Gachter & Rield, 2005; Norhayati & Hwa, 2004 dan Hitlin & Piliavin, 2004).

Namun begitu, tinjauan secara menyeluruh ke atas konsep dan takrifan nilai moral dari perspektif pemilikan tanah amnya merupakan sebahagian dari sistem sosioekonomi dalam skop yang mikro. Oleh itu, penyelidik mengusulkan takrif nilai moral tanah yang digunakan bagi menilai impak ke atas penyusutan dan kehilangan pemilikan tanah kaum Melayu akibat dari pembangunan. Secara khususnya, terdapat dua kemungkinan nilai moral tanah iaitu nilai kapitalis dan nilai patriotik. Fenomena ini disebabkan oleh perkembangan

kawasan perbandaran dan pewartaan kawasan pembangunan baru. Namun begitu, tumpuan utama kertas kerja ini adalah untuk mengupas konsep nilai patriotik di dalam pembangunan dan pemilikan tanah.

TAKRIF DAN KONSEP PATRIOTIK

Patriotik merujuk kepada perasaan yang amat sangat kepada bangsa dalam konteks nilai-nilai politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Dengan itu, sifat syak wasangka terhadap bukan bangsanya akan wujud sehingga mudah mempercayai bahawa kehadiran bangsa lain akan merosakkan struktur politik, ekonomi, sosial dan kebudayaannya. Ia berbeza dengan nilai nasionalisme yang hanya wujud sekiranya sesuatu bangsa berada di bawah jajahan atau taklukan oleh bangsa lain. Secara umumnya, patriotik merupakan salah satu elemen di dalam ideologi sosialis di mana kepentingan komunal dan masyarakat menjadi keutamaan. Ideologi sosialis mementingkan kesamarataan dan keadilan dalam kalangan ahli-ahli komuniti (Harman, 2000 terjemahan Muhammad Salleh, 2001).

Nik Anuar (2002) mengaitkan patriotikme dengan kesetiaan dan kecintaan terhadap negara sendiri. Seseorang akan dianggap patriot apabila kepercayaan, amalan dan tindakannya menepati ciri-ciri patriotikme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara. Menurut Nazri & Jamsari (2004), istilah patriotikme berasal daripada bahasa Greek, iaitu *patriotes* yang bermaksud *fellow countrymen*, iaitu rakan senegara dan *patrice* yang bermakna *fatherland* atau *country*, iaitu tanah air atau negara. Maksudnya, individu atau kumpulan akan sentiasa berada di hadapan serta berusaha untuk membela tanah air. Seorang patriot dikatakan sebagai seseorang yang mencintai negaranya akan melakukan apa sahaja untuk mempertahankannya.

Awang Had Salleh (1995) di dalam Nazri & Jamsari (2004) menghuraikan sejarah kewujudan patriotikme di dalam peradaban manusia. Ia bermula sejak manusia yang sebelumnya hidup berkomuniti kecil terasing atau terpencil mula memasuki penghidupan dalam komuniti lebih besar. Komuniti ini berlandaskan dua kesan iaitu wujudnya daerah bumi dan mempertahankan identiti bangsa. Nordin Kardi (2003) di dalam Nazri & Jamsari (2004) mentakrif patriotikme sebagai fahaman atau pegangan serta kepercayaan yang menggabungkan individu, kelompok dan wilayah. Ia melibatkan slogan dan simbol yang mencetuskan pengaruh yang kuat terhadap tingkah laku manusia dan dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri.

Komponen-komponen utama di dalam “patriotisme” menurut Sulivan (1992) di dalam Abdul Rahman (2003) iaitu, *Iconoclastic* yang merujuk kepada bentuk patriotikme yang wujud melalui usaha yang bersungguh-sungguh untuk membangun dan memakmurkan negara. Rakyat akan menjadi rajin, berusaha dengan gigih, suka berdikari, tabah, berilmu serta berkemahiran dalam memajukan negara. *Symbolic* merujuk kepada perasaan kasih pada negara dan menghormati simbol-simbol kenegaraan. *Instinctive Environmental* merujuk kepada perasaan yang mencintai alam sekitar negaranya. *Capitalistic* merupakan usaha untuk membangunkan negara bagi menjamin kesejahteraan kehidupan individu dan bangsanya. Dan, *Nationalistic-Symbolic* merujuk kepada masyarakat yang sangat ekstrem dan menganggap negara dan bangsa mereka adalah terhebat serta takjub pada diri sendiri, ideologi dan parti yang dianggotai.

Ringkasnya, idea ini diasaskan oleh beberapa ciri penting yang membentuk teori tersebut iaitu kepentingan komuniti, perasaan kasih dan sayang, perkongsian sumber secara bersama dan ekstremis. Terdapat lima prinsip utama di dalam konsep dan teori patriotik iaitu sentimental, semangat setia kawan, kesetiaan, sifat kemasyarakatan dan nasionalisme. Prinsip pertama ialah, sentimental yang merujuk kesukaran individu dan masyarakat untuk

melepaskan kepentingan yang mempunyai nilai estetika. Sentimental sering kali dikaitkan dengan kecintaan individu dan masyarakat ke atas kepentingan tersebut. Prinsip yang kedua, semangat setia kawan yang menunjukkan ikatan ukhuwah dalam kalangan individu di dalam masyarakat. Ia dikaitkan dengan kerjasama dan nilai keharmonian ahli-ahli komuniti dalam usaha untuk mempertahankan sesuatu kepentingan yang mempunyai nilai estetika. Prinsip yang ketiga ialah, kesetiaan yang menjadi tunjang utama di dalam nilai patriotik. Ia sering dirujuk kepada kesediaan ahli-ahli komuniti untuk berkorban sama ada daripada segi materialistik, kebebasan dan sebagainya.

Prinsip yang keempat ialah, sifat kemasyarakatan yang dianuti oleh ahli masyarakat bagi mewujudkan persefahaman dan kerjasama yang erat untuk pelbagai tujuan. Matlamat perkongsian dan pengagihan sama rata menjadi fokus utama di mana setiap ahli komuniti akan menerima faedah dan manfaat daripada sumber yang dimiliki. Dan prinsip yang kelima ialah, nasionalisme yang merupakan satu gerakan ideologi untuk mempertahankan kepentingan masyarakat serta menentang sebarang bentuk pencerobohan dan gangguan pihak luar untuk menguasai komuniti tersebut. Gerakan ini menanamkan sifat kecintaan, setia kawan dan penerapan usaha-usaha untuk mendorong ahli mempertahankan komuniti sama ada secara fizikal atau bukan fizikal.

NILAI PATRIOTIK DI DALAM PEMILIKAN DAN PEMBANGUNAN TANAH

Sebagaimana yang dibincangkan sebelumnya, patriotik merupakan salah satu cabang ideologi sosialisme yang mementingkan kepentingan bersama (sosialistik). Patriotik melibatkan kepentingan komuniti bagi mengekalkan penguasaan politik, ekonomi dan sosial. Tujuan dan matlamat nilai patriotik untuk mengekalkan serta mempertahankan kelangsungan dan penguasaan komuniti patriotik dalam menghadapi tekanan daripada komuniti imigran dan luaran yang berusaha untuk menguasai sosiopolitik dan sosioekonomi.

Dalam konteks pembangunan dan pemilikan tanah, ia mempengaruhi komuniti untuk mengekalkan penguasaan tanah dan berusaha untuk memonopoli faedah dan manfaat pembangunan yang berkembang ke kawasan mereka. Matlamat nilai patriotik di dalam pembangunan dan pemilikan tanah ialah, untuk mengekalkan kelangsungan pemilikan tanah melalui pengeksplotasian manfaat dan faedah pembangunan. Selain itu, individu dan komuniti patriotik akan mengambil langkah-langkah perlu untuk membatasi penguasaan pihak luar terutama kelompok kapitalis dalam penguasaan pemilikan tanah serta memanfaatkan faedah pembangunan yang sepatutnya dinikmati oleh kelompok patriotik. Dalam menerapkan elemen-elemen patriotik pembangunan dan pemilikan tanah, ciri-ciri nilai asas sosialis dan patriotik menjadi sebahagian daripada nilai moral individu dan komuniti patriotik bagi mengekalkan penguasaan tanah dan memanfaatkan peluang-peluang pembangunan. Terdapat lima ciri-ciri nilai asas sosialis dan patriotik di dalam pembangunan dan pemilikan tanah.

Ciri yang pertama ialah, nilai sentimental yang merujuk persepsi individu dan komuniti patriotik yang melihat pembangunan merupakan aset yang boleh meningkatkan taraf sosioekonomi dan sosiopolitik. Manakala dari sudut pemilikan tanah, nilai sentimental merujuk tanah milikan individu dan masyarakat patriotik merupakan aset berharga. Pengeksplotasian sumber tanah oleh golongan patriotik bertujuan untuk mengekalkan milikan tanah serta memanfaatkan kesan pembangunan tanah. Ciri yang kedua merujuk semangat setia kawan sebagai bentuk keakraban individu dan komuniti patriotik untuk bekerjasama dalam menghadapi impak pembangunan. Ia melibatkan peranan dan tindakan ahli-ahli patriotik untuk mempertahankan milikan tanah dari dimiliki oleh kelompok kapitalis dan pendatang. Konsep ini mementingkan sikap perkauman dalam sosialis kemasyarakatan.


Ciri yang ketiga ialah, kesetiaan terhadap semangat atau kuasa dalam kelompok

patriotik dalam memberi sepenuh perhatian kepada kumpulan masyarakat dalam pelbagai perspektif termasuk hal-hal berkaitan dengan pemilikan tanah. Meskipun wujud tekanan pembangunan, individu patriotik berusaha untuk menangani impak pembangunan dengan mengekalkan pemilikan tanah.

Ciri yang keempat merangkumi sifat kemasyarakatan yang menunjukkan nilai-nilai mementingkan suku, bangsa dan kelompok masyarakat melebihi kepentingan peribadi. Dalam konteks pembangunan dan pemilikan tanah, setiap ahli patriotik akan bekerjasama bagi mempertahankan hak milikan tanah ahlinya walaupun berlaku pengambilalihan tanah sama ada secara perundangan atau tekanan permintaan oleh kelompok kapitalis. Sifat kerjasama yang kuat dalam kalangan ahli patriotik dalam pengagihan manfaat pembangunan bagi memastikan faedah tersebut tidak dipelopori oleh kelompok kapitalis atau masyarakat luar. Dan, ciri nasionalisme menunjukkan sentimen dalam kalangan individu patriotik yang berusaha untuk mempertahankan milikan tanah. Usaha ini meliputi proses pemilihan bakal-bakal pembeli, kepentingan manfaat pembangunan kepada kelompok patriotik dan menyekat tekanan dan kehalobaan golongan kapitalis dan masyarakat luar untuk menguasai faedah pembangunan dan pemilikan tanah.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Berdasarkan perbincangan dan analisa literatur ke atas konsep dan prinsip nilai-nilai moral tanah di dalam pembangunan dan pemilikan tanah, penyelidik merumuskan kerangka konseptual kajian yang digunakan di dalam kajian ini. Berikut adalah kupasan secara ringkas elemen-elemen yang diambil kira dalam mengadaptasi implikasi perubahan trend pemilikan tanah akibat dari penerapan nilai patriotik yang mempengaruhi faktor-faktor perubahan trend pemilikan tanah akibat dari proses pembangunan :-



Rajah 1 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan rajah di atas, penyelidik telah mengenal pasti kesan pembangunan ke atas tanah milikan Melayu dalam bentuk perubahan trend pemilikan tanah. Dalam konteks konseptual ini, penyelidik memfokuskan peranan pemilik Melayu secara individu di mana terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi perubahan trend pemilikan tanah kaum Melayu iaitu faktor-faktor polisi, ekonomi dan sosial.

Fokus daripada perspektif polisi tertumpu kepada sistem perundangan tanah dan dasar-dasar pembangunan. Sistem perundangan tanah mencakupi pengaplikasian sistem milikan tanah yang diamalkan oleh kerajaan. Sistem ini mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tersendiri. Manakala dasar-dasar pembangunan merangkumi cadangan dan perlaksanaan projek dan program pembangunan yang boleh mencetuskan nilai patriotik. Kewujudannya bergantung kepada bentuk dan kepentingan dasar-dasar pembangunan fizikal dan bukan fizikal.

Faktor ekonomi dikaitkan dengan struktur dan nilai pasaran tanah di mana berkemungkinan akan berlaku peningkatan, penurunan atau pengekalan nilai. Perubahan trend pasaran tanah wujud akibat daripada cadangan dan perlaksanaan dasar-dasar pembangunan serta merupakan impak peringkat kedua yang berlaku akibat daripada pembangunan. Tanpa pengaruh dan implikasi dasar-dasar pembangunan, perubahan struktur pasaran tanah tidak akan berlaku. Selain itu, pengetahuan pemilik-pemilik tanah terhadap impak dasar-dasar pembangunan ke atas trend pasaran tanah turut menyumbang kepada kewujudan nilai patriotik.

Dan faktor sosial pula ditinjau dari sudut budaya, persekitaran sosial, sikap dan persepsi pemilik tanah terhadap implikasi pembangunan. Impak sosial diukur daripada perspektif pemilik-pemilik tanah yang melihat kesan pembangunan yang menggabungkan elemen-elemen polisi pembangunan, sistem pemilikan tanah dan perubahan trend pasaran tanah. Secara tersiratnya, faktor tersebut boleh mempengaruhi emosi dan psikologi pemilik-pemilik tanah kaum Melayu. Ia penting bagi menentukan kepentingan tanah sama ada sebagai komoditi yang boleh diurusniagakan atau aset yang dapat mengekalkan penguasaan kaum Melayu bagi memanfaatkan peluang dan faedah pembangunan.

KESIMPULAN

Nilai patriotik merupakan elemen asas yang digunakan bagi mengukur persepsi dan sikap pemilik Melayu terhadap pemilikan tanah. Nilai ini mempengaruhi faktor-faktor perubahan trend pemilikan tanah seperti polisi, ekonomi dan sosial. Ia wujud akibat daripada perlaksanaan pelan-pelan dan dasar-dasar pembangunan di luar bandar. Secara ringkasnya, patriotik merupakan nilai sentimental yang bermatlamat untuk mengekalkan penguasaan kepentingan komunal serta menghalang usaha pihak luar untuk menguasai pemilikan komuniti sosialis. Dalamerti kata yang lain, patriotik mementingkan kesamarataan dan komunalisme serta berusaha untuk mempertahankan hak dan kedaulatan masyarakat. Berdasarkan elemen-elemen asas patriotik, penyelidik telah mengadaptasikannya dalam konteks pembangunan dan pemilikan tanah. Tujuannya untuk membuktikan kewujudan nilai tersebut yang mempengaruhi perubahan trend pemilikan tanah. Terdapat beberapa ciri asas nilai kapitalistik dan patriotik yang diterapkan ke dalam faktor-faktor polisi, ekonomi dan sosial. Berdasarkan inti pati yang diperoleh melalui ulasan literatur, penyelidik telah membentangkan Kerangka Konseptual Kajian sebagai panduan untuk mengukur nilai tersebut yang mempengaruhi faktor-faktor perubahan trend pemilikan tanah kaum Melayu di luar bandar.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Aziz. (2003). *Falsafah Pembangunan*. Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Aris Munandar. (2002). Pembangunan nasional, keadilan sosial dan pemberdayaan masyarakat. *Jurnal Universitas Paramadina*. 2(1) : 12-24.
- Brause, R. S. (2000). *Writing Your Doctoral Dissertation. Invisible Rules for Success*. London : Falmer Press.
- Bryman, A. (2004). *Social Research Methods (2nd Edition)*. London : Oxford University Press.
- Crotty, M. (1998). *The Foundations of Social Research. Meaning and Perspective in the Research Process*. London : SAGE Publications.
- Delanty, G. (1997). *Social Science: Beyond constructivism and realism*. Minnesota : University of Minnesota Press.
- Deny Hidayati. (1998). Penduduk, Pembangunan dan Lingkungan : Potensi Permasalahan dan Tantangan di KTI. Makalah di dalam Semiloka Nasional Membangun Manusia Berkualitas di Kawasan Timur Indonesia : Menghadapi Era Globalisasi. Manado, 18-19 Februari.
- Diana Wijayanti. (2002). Melacak Pembuktian Teori-Teori Pertumbuhan Ekonomi. *Jurnal Ekonomi Pembangunan*. 2002 : 181-186.
- Fx Adji Samekto. (2000). Isu Demokrasi dalam era Globalisasi. Diskusi Panel Nasional : Arogansi Amerika Serikat dalam hubungan Internasional. Anjuran Fakultas Hukum, Universitas Diponegoro. Semarang, 23 Oktober.
- Gachter, S. and Riedl, A. (2005). Moral Property Rights in bargaining with infeasible claims. *Management Science*. 51(2) : 249-263.
- Gallup, J. L. (2000). Geography and Socioeconomic Development. Kertas kerja the Andean region for the Andean Competitiveness Project.
- Gelinas, J. B. (2003). *Juggernaut Politics: Understanding Predatory Globalization*. London & New York : Zed Books.
- Hamza Alawi. (2007). *State and Class under Peripheral Capitalism* in Hamza Alawi & Teodor Senin (eds.). Introduction in the Sociology of Developing Societies. New York : Macmillan Press Ltd.
- Hitlin, S. & Piliavin, J. A. (2004). Values : Reviving a dormant concept. *Annual Review of Sociology*. 30(2004) : 359-393.
- Hsieh, D. M. (2002). The philosophy underpinnings of capitalism. Speech to 2002 convention of Libertarian Party of Colorado. Colorado, 18 May.
- Jamil Salmi. (2005). *Violence and Democratic Society*. Jakarta : Kelompok Pilar Media.

- Levi-Faur, D. (1997). Economic Nationalism : from Friedrich List to Robert Reich. *Review of International Studies*. 23 : 359-370.
- Muhammad Zulfan Tadjoeddin. (2004). Civil society engagement and communal violence : Reflections of various hypotheses in the context of Indonesia. *The Politics Administration and Change*. 42 (2004) : 1-18.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2002). *Patriotisme dalam penulisan sejarah*. <http://www.iksep.gov.my> [15 Februari 2011]
- Okposin, S. B., Abdul Halim Abdul Hamid & Ong, H. B. (2003). *Perubahan Fasa Ekonomi Malaysia*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ray, D. (2007). Introduction to Development Theory. *Journal of Economic Theory*. 137(2007) : 1-10.
- S. Husin Ali. (2004). *Merdeka, Rakyat dan Keadilan*. Petaling Jaya : Strategic Information Research Development.
- Sayers, S. (2007). Marxism and Morality. *Philosophical Researches*. 2007(9) : 8-12.
- Selu Margaretha Kushendrawati. (2006). Masyarakat Konsumen sebagai Ciptaan Kapitalisme Global : Fenomena Budaya Dalam Realitas Sosial. *Makara, Sosial Humaniora*. 10(2) : 49-57.
- Selway, J. (2007). Turning Malays into Thai-men : nationalism, ethnicity and economic inequality in Thailand. *The South East Asia Research*. 15 (1) : 53-87.
- Stanislaus Nugroho. (2008). Apakah Kapitalisme (Global) Memiliki Moral? *Respons*. 13(02) : 88-39.
- Syafruddin Kalo. (2004). *Di bawah cengkeraman kapitalisme : Konflik status tanah jaluran antara Onderneming dan rakyat penunggu di Sumatra Timur jaman kolonial*. Kertas Perbincangan, Jabatan Hukum Pidana, Fakultas Hukum. Medan : Universitas Sumatera Utara.
- Syahyuti. (2006). Nilai-nilai kearifan pada konsep penguasaan tanah menurut Hukum Adat di Indonesia. *Forum Penelitian Agro Ekonomi*. 24 (1) : 14-27.
- Syed Husin Ali. (2008). *Orang Melayu : Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur : Buku Harakah.
- Szirmai, A. (2004). The Dynamics of Socio-Economic Development : An introduction. London : Cambridge University Press.
- Titik Handayani. (2006). Nasionalisme, Pendidikan dan Tantangan Globalisasi. *Berita IPTEK*. 45(1) : 68-75.
- Todaro, M. P. & Smith, S. C. (2009). *Economic Development 10th Edition*. New York : Prentice Hall.